

Headline **Utamakan teknologi tempatan**  
Date **05 Mar 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **65 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,864**  
PRValue **8,591**



## 'Utamakan teknologi tempatan'

**P**UTRAJAYA: Syarikat milik kerajaan serta sektor swasta di negara ini diminta mengutamakan teknologi dibangunkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan seperti MIMOS Berhad (MIMOS) atau SIRIM Berhad (SIRIM) bagi pengisian produk mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pembangunan sistem pengajaran oleh MIMOS yang menumpukan aplikasi inovatif teknologi komunikasi maklumat (ICT) bagi merintis pepadanan bahan dan gaya belajar terkini antara aplikasi yang boleh dikomersialkan, baik di dalam atau luar negara.

"Saya juga mahu industri pembelajaran elektronik atau e-pembelajaran dibangunkan seiring perkembangan infrastruktur ICT negara, terutama pepadanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perkakasan sedia ada," katanya, semalam.

Tutor iLMS adalah aplikasi perisian pembelajaran pintar dibangunkan MIMOS dan MARA.